

NOTIS TENDER

TENDER NO.PA010917. – KONTRAK SEWAAN HARIAN SEBUAH KREN 7 TAN METRIK SERTA PEMANDU UNTUK OPERASI DI KAWASAN SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL (SPCT), PENANG PORT SDN. BHD.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas. Tender adalah dipelawa kepada:

1. **Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
2. **Jenis kren, Kren Angkat Bergerak (Lifting Mobile Crane).**
3. **Kren yang dibekalkan mestilah berkeupayaan untuk mengangkat 7 Tan Metrik.**
4. **Berkuasa diesel, kos perbelanjaan bekalan diesel dan penyelenggaraan ditanggung oleh Kontraktor sendiri.**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender yang berharga **RM53.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. Lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada :

Tarikh : 6 April 2017 (Khamis)

Waktu : 10.00 pagi.

**Tempat : Tingkat Bawah, Lobi Ibu Pejabat Penang Port Sdn. Bhd. ,
No.1, Pesara King Edward, 10300 Georgetown, Penang.**

Lawatan tapak adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambil kira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

“TENDER NO.PA010917. – KONTRAK SEWAAN HARIAN SEBUAH KREN 7 TAN METRIK SERTA PEMANDU UNTUK OPERASI DI KAWASAN SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL (SPCT), PENANG PORT SDN. BHD”

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender “A”** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **14 April 2017 (Jumaat)** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.